

**NOTIS MAKLUMAN MENGENAI PENYESUAIAN SERTA PENAMBAHBAIKAN
TERHADAP PROGRAM SOLAR UNTUK KEGUNAAN SENDIRI (*SOLAR FOR SELF-
CONSUMPTION- SELCO*)**

PUTRAJAYA, 31 DISEMBER 2025 - Kerajaan telah bersetuju supaya penyesuaian serta penambahbaikan terhadap pelaksanaan Program Solar Untuk Kegunaan Sendiri atau Solar For Self-Consumption (SelCo) dilakukan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara berdaya maju, dengan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:

- i. pelarasan terhadap penetapan kapasiti pemasangan SelCo daripada melebihi 1 MWp kepada melebihi 1 MWac bagi tujuan pelaksanaan caj tunggu sedia yang dikenakan pada kadar RM12/kWp; dan
- ii. pengenaan syarat pemasangan sistem bateri penyimpanan tenaga (*Battery Energy Storage System - BESS*) bagi pemasangan yang melebihi 1 MWac, berbanding sebelum ini yang dikenakan kepada pemasangan melebihi 72 kWp.

Bagi tujuan ini, Suruhanjaya Tenaga akan mengemaskini Garis Panduan Solar untuk Kegunaan Sendiri (SelCo) sedia ada yang akan merangkumi penambahbaikan seperti yang telah diluluskan dan akan dimuatnaik di dalam laman sesawang ST untuk rujukan semua pihak yang terlibat kelak.

Suruhanjaya Tenaga
31 Disember 2025